

Elaun Bulanan Barangan Dapur RM300 November 2021 – Semak Kelayakan Anda

October 15, 2021 by Ms Admin Sakinah



Program Prihatin Kasih Bantuan RM300 Barangan Dapur

Program Prihatin Kasih dengan peruntukan RM100 juta telah diumumkan sebagai salah satu langkah pakej PEMERKASA, bagi membantu kos sara hidup bagi golongan miskin bandar. Program bantuan barangan dapur ini disalurkan secara tanpa tunai atau cashless melalui penggunaan MyKad dan akan memanfaatkan 300,000 isi rumah di bandar-bandar utama di seluruh negara.

Senarai Kandungan

Kaedah Pelaksanaan

Nak jadi orang pertama yang mohon BANTUAN KERAJAAN?
Join [Telegram Rasmi Bantuan Kerajaan](#)

Program ini dilaksanakan dengan cara pengkreditan elaun bulanan sebanyak RM100 selama tiga bulan (RM300) ke dalam Mykad mereka yang layak.

Wang itu boleh digunakan untuk membeli barangan makanan penting di kedai runcit atau pasaraya yang mengambil bahagian dalam program ini dengan membuat pembayaran menggunakan Mykad masing-masing. Senarai kedai runcit dan pasaraya yang terlibat – [KLIK SINI](#)

NEGERI	BULAN PELAKSANAAN
Selangor & KL	JULAI - SEP 2021
Kelantan, Johor, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Perak, Melaka dan Terengganu	OGOS - OKT 2021
Negeri Sembilan, Labuan, Pahang, Putrajaya, Sabah dan Sarawak	SEP - NOV 2021 atau OKT - DIS 2021 (akan dimaklumkan kemudian)

Maklumat Lanjut: <http://www.mykasih.com.my/site/prihatin-kasih/>

Kelayakan Bantuan RM300 Barangan Dapur

Keluarga yang layak akan dikenalpasti melalui data JKM serta sistem e-Kasih yang telah disemak silang dengan data BPR. Sekiranya melepasi syarat, mereka layak untuk terima Bantuan PRIHATIN Kasih ini.

Mereka yang layak akan terima SMS dari MyKasih untuk mengesahkan status mereka sebagai penerima di bawah program beserta tarikh dan masa untuk sesi taklimat orientasi di kedai runcit yang terdekat.

Baca juga: [Cara Mohon 11 Skim Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat 2021 \(Online/Manual\)](#)

Cara semak kelayakan:

- Sila layari laman web MyKasih <http://www.mykasih.com.my/site/>
- Boleh Isi nombor kad pengenalan
- Masukkan kod Captcha yang dipaparkan
- Status anda akan dimaklumkan

Jika layak, anda akan terima sms dari MyKasih untuk mengesahkan status anda sebagai penerima manfaat program ini.

Maklumat Lanjut

Sebarang pertanyaan dan permasalahan berkaitan Program Prihatin Kasih, anda boleh rujuk [DI SINI](#)

Baca juga: [i-Saraan KWSP: Cara Daftar & Terima RM250 Caruman Tambahan](#)

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**UNTUK SIARAN
SEGERA
5 JULAI 2021**

RM100 JUTA UNTUK 300,000 ISI RUMAH GOLONGAN MISKIN BANDAR SECARA TANPA TUNAI (CASHLESS) MELALUI MYKAD BERMULA JULAI 2021

Kementerian Kewangan ingin memaklumkan bahawa projek perintis Program PRIHATIN Kasih bagi menghulurkan bantuan barangan dapur kepada golongan miskin bandar telahpun bermula pada 1 Julai 2021 di Selangor dan Kuala Lumpur berikutan pelaksanaan PKPD.

PRIHATIN Kasih dengan peruntukan RM100 juta ini telah diumumkan sebagai salah satu langkah pakej PEMERKASA, bagi membantu kos sara hidup bagi golongan miskin bandar. Program bantuan barangan dapur ini disalurkan secara tanpa tunai atau cashless melalui penggunaan MyKad dan akan memanfaatkan 300,000 isi rumah di bandar-bandar utama di seluruh negara.

Keluarga yang menerima PRIHATIN Kasih telah dipilih daripada keluarga miskin bandar, dengan mengambil kira pangkalan data dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dan e-Kasih yang seterusnya disemak silang dengan pengkalan data BPR.

PRIHATIN Kasih melibatkan bantuan bulanan sebanyak RM100 untuk tiga bulan yang boleh digunakan untuk pembelian barangan makanan asas seperti makanan dalam tin, susu bayi, beras, minyak masak, telur, dan sebagainya berdasarkan pilihan isi rumah.

Program PRIHATIN Kasih ini melibatkan lebih daripada 300 rantaian pasar raya dan kedai di seluruh negara termasuk Mydin, Giant, Econsave, The Store, Pacific, Milimewa, 99 Speedmart, Lotus Stores (Tesco) serta kedai-kedai runcit.

Fasa Pertama yang telahpun dilaksanakan bermula pada 1 Julai 2021 di Selangor dan Kuala Lumpur menunjukkan maklumbalas positif dari penerima. Fasa selanjutnya akan dilancarkan seperti berikut:

Negeri	Bulan Pelaksanaan
Kelantan, Johor, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Perak, Melaka dan Terengganu	Ogos 2021
Negeri Sembilan, Labuan, Pahang, Putrajaya, Sabah dan Sarawak	September – Oktober 2021

Penerima PRIHATIN Kasih yang layak akan menerima SMS dari MyKasih untuk mengesahkan status mereka sebagai penerima manfaat di bawah program ini, beserta tarikh dan masa untuk sesi taklimat orientasi di kedai runcit yang terdekat. Maklumat lanjut boleh didapati di <http://www.mykasih.com.my/site/prihatin-kasih/>

Program MyKasih ini merupakan pelengkap-pakej Program Bakul Makanan yang telahpun diumumkan di bawah pelbagai pakej-pakej bantuan termasuk:

- PERMAI:** Program Bakul Makanan bernilai **RM50 juta**;
- PEMULIH:** Program Bakul Makanan nasional di mana **RM80 juta** telah diperuntukkan, dengan agihan RM300,000 bagi setiap Ahli Parlimen, termasuk dari Parti Pembangkang. Peruntukan ini telahpun disalurkan kepada semua ahli Parlimen bermula 1 Julai 2021. Bagi kawasan Parlimen Gerik dan Batu Sapi, peruntukan ini akan disalurkan melalui Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak, Gerik dan Majlis Perbandaran Sandakan. Baki selebihnya adalah untuk pengagihan bakul makanan kepada masyarakat Orang Asli.

Selain itu, rakyat yang memerlukan juga boleh memanfaatkan program agihan makanan yang dikelolakan oleh pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat; Yayasan Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Program Gerobok Rezeki).

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
Putrajaya
5 Julai 2021

Disclaimers – Semua artikel portalMalaysia kongsikan diatas sekadar panduan tutorial dan rujukan yang related dengan “Elaun Bulanan Barangan Dapur RM300 November 2021 – Semak Kelayakan Anda” ini sahaja. kami tidak ada kaitan dengan government agency atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengannya, semua rujukan berpandukan sumber rasmi dan betul-betul sahih sahaja.